



**KERAJAAN MALAYSIA  
SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
BILANGAN 1 TAHUN 2013**

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Ketua Polis Negara - Bahagian Kewangan  
Pengarah Jabatan Arah Urusan Gaji Angkatan Tentera (UGAT)  
Semua Ketua Akauntan Jabatan Mengakaun Sendiri  
Semua Pengarah Negeri/ Cawangan Jabatan Akauntan Negara  
Semua Ketua Pusat Gaji

**PERATURAN BAYARAN PEMBERIAN PEMINDAHAN GAJI KEPADA  
PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN DI BAWAH SISTEM  
SARAAN MALAYSIA**

**1. TUJUAN**

- 1.1 Surat Pekeliling ini adalah bertujuan untuk menetapkan peraturan bayaran pemberian pemindahan gaji kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan di bawah Sistem Saraan Malaysia.

- 1.2 Pemberian amaun pemindahan gaji ini adalah bersamaan satu (1) Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) seperti yang ditetapkan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2013.
- 1.3 Surat Pekeliling ini hendaklah dibaca bersekali dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2013 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2013.
- 2. PERATURAN BAYARAN PEMBERIAN PEMINDAHAN GAJI BERSAMAAN SATU (1) KENAIKAN GAJI TAHUNAN KEPADA SEMUA PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN**
- 2.1 Dalam melaksanakan bayaran pemberian pemindahan gaji bersamaan satu (1) KGT, peraturan berikut perlulah dipatuhi:
- (i) Memastikan satu (1) Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) diberi pada bulan Julai 2013 dan dibayar bersekali dengan gaji bulan Julai 2013;
  - (ii) Satu (1) KGT tersebut adalah mengikut Kadar Kenaikan Gaji Tahunan berdasarkan Gred Gaji yang telah ditetapkan seperti Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2013;
  - (iii) Pemberian satu (1) KGT adalah berpandukan kepada gaji hakiki yang dibayar pada bulan Jun 2013;
  - (iv) Pegawai yang layak diberi satu (1) KGT adalah seperti yang ditetapkan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2013.

### **3. PERKARA-PERKARA AM DALAM BAYARAN PEMBERIAN PEMINDAHAN GAJI**

Dalam bayaran pemberian ini, perkara-perkara berikut akan diambil kira :

#### **3.1 Cukai Pendapatan**

Bayaran satu (1) KGT ini adalah tertakluk kepada cukai pendapatan. Oleh itu, Potongan Cukai Bulanan (PCB) akan dipotong dari gaji bulan Julai 2013 berdasarkan jumlah gaji yang layak dikenakan cukai pendapatan pada bulan tersebut.

#### **3.2 Potongan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)**

Potongan caruman pekerja dan bayaran caruman majikan perlu dibuat dengan sewajarnya bagi kakitangan yang dibayar secara baucar berasingan.

#### **3.3 Bayaran bagi kakitangan di bawah Sistem Gaji Berkomputer (Payroll)**

- (i) Pejabat Perakaunan (Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri/Cawangan dan Jabatan Mengakaun Sendiri) akan mengeluarkan Laporan Gaji 1KGT sebagai ganti Borang Perubahan Gaji (SG20);
  
- (ii) Jabatan hendaklah menyemak amaun gaji dan **amaun elau** **berkaitan gaji** dalam Laporan Gaji 1KGT adalah tepat dan betul. Elaun-elaun berkaitan gaji adalah Elaun Memangku, Bayaran Insentif Wilayah, Bayaran Insentif Kritikal, Bayaran Insentif Subjek Pendidikan dan Bayaran Insentif Hidup Susah.

- (iii) Jika terdapat sebarang perubahan ke atas Laporan Gaji 1KGT, pihak jabatan hendaklah mengemas kini data gaji/ elaun dan seterusnya mengembalikan laporan tersebut ke Pejabat Perakaunan untuk dikemas kini di dalam Sistem Gaji Berkomputer.
- (iv) Bagi tujuan mengelakkan keciciran atau kelewatan dalam pembayaran satu (1) KGT kepada pegawai yang telah bertukar keluar tetapi gajinya masih dibayar di jabatan lama, bayaran satu (1) KGT hendaklah dibayar oleh jabatan lama secara baucar berasingan. Adalah menjadi tanggungjawab jabatan lama untuk memaklumkan kepada jabatan baru akan pemberian satu (1) KGT telah dibayar.

#### 3.4 Kod Urus Niaga

Kod-kod urus niaga yang perlu digunakan bagi bayaran satu (1) KGT ini adalah kod objek sedia ada yang digunakan bagi bayaran gaji penjawat awam.

#### 4. PERUNTUKAN UNTUK MEMBAYAR SATU (1) KGT

Kementerian / Jabatan hendaklah membayar satu (1) KGT ini menggunakan peruntukan tahun semasa yang sedia ada. Sekiranya peruntukan ini tidak mencukupi, permohonan peruntukan tambahan hendaklah dibuat.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

  
**(HAWAZAIN BINTI SHAARI)**

Timbalan Akauntan Negara (Operasi)

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

**18** Jun 2013

Salinan :

Ketua Audit Negara

Semua Akauntan Negeri / Bendahari Negeri

Ketua Pegawai Eksekutif LHDN

Ketua Pegawai Eksekutif KWSP